

KENYATAAN MEDIA

HILANGNYA PERMATA ISTANA BUDAYA KONDUKTOR ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 OKTOBER 2024 – Hilangnya permata Istana Budaya Konduktor Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) yang baru sahaja menghembuskan nafas terakhir pada hari ini.

Allahyarham Mohd Yazid bin Zakaria, 57 tahun meninggal dunia mengejut di sebuah klinik di Seremban sekitar jam 11 pagi tadi. Allahyarham mengalami kekejangan otot dan rebah ketika sedang menunggu untuk rawatan. Pihak klinik sedaya upaya menjalankan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) berterusan dan pelbagai usaha telah dilakukan sementara menanti ketibaan ambulans kecemasan.

Punca kematian hanya dapat diketahui selepas proses bedah siasat dilakukan dan jenazah akan dikebumikan di Seremban selepas urusan berkenaan selesai.

Allahyarham telah berkhidmat di Istana Budaya sejak tahun 2008 sebagai Ahli Muzik dan sehingga kini pelbagai pencapaian telah dianugerahkan seperti Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Pengurusan dan Profesional) sempena Sambutan Hari Pekerja 2024, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2024 dan 2016. Allahyarham juga telah menyumbang bakti sebagai Pengarah Muzik dan Konduktor bagi persembahan Majlis Makan Malam Gala, Sidang Kemuncak ASEAN ke-47.

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

JOHAN CRUYFF@MOHD JOHARI MD NORDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
ISTANA BUDAYA